


Tiada Lagi Skor A



Oleh Mohd. Helmi Ahmad

Dalam sistem pendidikan Malaysia, peperiksaan merupakan kaedah yang dilaksanakan untuk menaksir murid bagi mendapatkan keputusan pencapaian murid terhadap sesuatu pembelajaran dalam tempoh tertentu. Keputusan ini diyakini mampu menjadi penanda aras pada tahap penguasaan murid sekali gus meletakkan murid itu dalam kategori cemerlang, baik, sederhana ataupun lemah.

Melalui sistem peperiksaan juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan sistem peperiksaan awam yang wajib diduduki murid untuk meneruskan pembelajaran pada peringkat seterusnya. Bermula dengan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk murid tahun enam, Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk murid tingkatan tiga, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pelajar tingkatan lima dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) untuk pelajar tingkatan enam. Untuk peperiksaan ini, murid akan menjawab soalan yang selaras, yang digubal oleh penggubal soalan yang dilantik dan dijawab pada waktu yang sama.

Sistem peperiksaan dalam pendidikan Malaysia pernah mencatatkan sejarah apabila seorang pelajar berjaya mencatat keputusan cemerlang 171A dalam SPM pada tahun 2004, iaitu Nur Amalina Che Bakri. Sejak itu, fenomena mengejar jumlah A dalam mata pelajaran menjadi buruan murid, guru, dan ibu bapa. Ekoran itu, mereka berlumba-lumba mengambil

sebanyak mungkin mata pelajaran yang ditawarkan demi mengejar A. Seolah-olah pencapaian A yang banyak dalam jumlah mata pelajaran yang diambil membuktikan bahawa murid itu hebat dan cemerlang.

Pihak sekolah menggerakkan tenaga kerjanya, iaitu guru mengerah tenaga untuk membantu anak didik mereka mencapai keputusan cemerlang seterusnya menaikkan nama sekolah. Pelbagai program dirancang, antaranya Kem Motivasi, Program Anak Angkat, Pecut Silibus, dan kelas tambahan. Tidak cukup dengan itu, ibu bapa sanggup menghantar anak mereka ke pusat tuisyen untuk mendapatkan bimbingan dan latihan tambahan untuk mencapai hasrat tersebut. Ganjaran yang ditawarkan bakal menjadi milik mereka seandainya mampu mencapai keputusan yang cemerlang dengan memperoleh jumlah A yang banyak.

Sebaliknya, situasi ini berubah apabila murid itu gagal atau kurang cemerlang dalam peperiksaan dengan tidak memperoleh A. Pasti situasi tuding menuding, salah menyalah berlaku antara ibu bapa, guru malah murid sendiri. Keadaan ini mewujudkan diskriminasi sama ada di sekolah mahupun dalam keluarga. Jika di sekolah, pelajar tersebut ditempatkan di kelas B ataupun C. Sebaliknya di rumah, murid tersebut dibandingkan dengan adik-beradik yang lain. Malah tiada ganjaran untuk mereka.

Wajarkah situasi ini berlaku dalam sistem pendidikan Malaysia yang diyakini menjadi platform murid menimba ilmu dan kemahiran? Tekanan dari persekitaran menyebabkan emosi dan keyakinan murid untuk terus maju ke hadapan akan terbantut. Sempatunya, mereka diberi semangat dan bimbingan untuk terus berjaya bukannya disisihkan. Perlu difahami bahawa murid yang cemerlang bukan diukur dengan jumlah A yang banyak, sedangkan kosong dalam aspek pembangunan jiwa yang lain. Murid yang cemerlang ialah murid yang seimbang termasuklah jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sahsiah. Keseimbangan dan kecemerlangan ini melahirkan modal insan yang holistik.

KPM memperkenalkan dasar 1Murid 1Sukan. Dasar ini memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan bakat dan mencungkil potensi dalam aktiviti



kokurikulum. Di samping itu, mereka juga didedahkan dengan aspek kepimpinan dan semangat kerjasama dalam berpersekutuan dan aktiviti badan beruniform. Sepatutnya, selepas ini tidak kedengaran lagi bahawa murid yang pernah mendapat A dalam semua mata pelajaran tidak menghormati guru, ibu bapa, angkuh, tidak bersopan santun, dan tidak cergas. Sebaliknya, kita mahu melahirkan murid yang cemerlang dalam akademik dan hebat dalam aktiviti kokurikulum dan sahsiah diri.

Oleh hal demikian, pada tahun 2010, KPM mengambil langkah dengan melaksanakan prasyarat yang mana mengehadkan pengambilan 10 mata pelajaran dalam SPM. Namun begitu, kelonggaran diberikan kepada murid untuk mengambil dua lagi mata pelajaran tambahan. Dua mata pelajaran tambahan tersebut mestilah dipilih daripada mana-mana mata pelajaran yang disenaraikan dalam peperiksaan SPM kecuali mata pelajaran teras. Langkah ini dilihat mampu menyeimbangkan keperluan murid dengan keperluan semasa. Murid tidak perlu untuk berasa terakan untuk mengulang kaji dengan jumlah mata pelajaran yang banyak. Jadi, mereka boleh menumpukan perhatian terhadap mata pelajaran yang sudah ditetapkan. Malahan mereka mempunyai masa untuk berehat, beriadah, dan bersukan.

Seiring dengan langkah itu, transformasi pendidikan yang dilakukan antara lain bertujuan meningkatkan mutu pendidikan negara. Transformasi ini dijangka melahirkan modal insan yang holistik sekali gus menyumbang pembangunan negara. Oleh hal yang demikian, hala tuju sistem pendidikan negara yang selama ini berorientasikan sistem peperiksaan dikaji semula supaya relevan dengan keperluan semasa.

Penambahbaikan dilakukan dengan memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) secara berperingkat. Pelaksanaan KSSR dan KSSM ini dilihat mampu menyediakan kualiti pendidikan yang seimbang dan memperkenalkan kaedah penaksiran yang lebih holistik dan saksama melalui Penaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

PBS merupakan kaedah penaksiran yang diyakini berkeupayaan menilai aspek intelek (kognitif), emosi dan rohani (efektif), dan jasmani (psikomotor) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. PBS diaplikasikan bagi menaksir bidang akademik dan bukan akademik. Melalui PBS, guru diberi pengiktirafan dan autonomi untuk melaksanakan penaksiran formatif dan sumatif. Kaedah ini dilihat lebih terbuka kerana penaksiran formatif dijalankan semasa proses pembelajaran berlangsung dan penaksiran sumatif pula dijalankan pada akhir unit pembelajaran.

Dengan pengenalan PBS dan penambahbaikan yang dilakukan dalam sistem penaksiran murid, KPM

mengambil keputusan untuk menabahkan UPSR dan memansuhkan PMR. Selain itu, penaksiran dalam STPM juga mengalami transformasi kerana peperiksaan dijalankan pada setiap penggal di sepanjang tempoh pengajian yang terdiri daripada tiga penggal. Sistem penaksiran baharu ini diharap dapat meningkatkan kualiti murid lepasan STPM.

Jika sistem peperiksaan awam diperuntukkan soalan yang digubal khas oleh penggubal soalan yang dilantik dan dijawab oleh semua calon, sebaliknya PBS memerlukan bukti yang dibina sendiri oleh guru. Guru yang membina bukti itu disarankan membina bukti yang bersesuaian dengan tahap keupayaan dan kemahiran murid. Sudah tentu, guru yang bersama murid sepanjang sesi persekolahan lebih tahu keupayaan dan kemahiran muridnya pada tahap tertentu yang merujuk kepada standard prestasi.

Oleh hal yang demikian, kaedah penaksiran PBS dilihat mampu memberi peluang kepada murid untuk menguasai kemahiran asas sebelum melangkah ke tahap yang lebih tinggi. Seterusnya, guru menyediakan pelaporan prestasi murid setelah melaksanakan PBS. Pelaporan ini dicatatkan dalam bentuk "band" dan bukan lagi sistem A. Pelaporan ini juga dimasukkan dalam Sistem Pengurusan Penaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS). Pelaporan murid merangkumi tahap kemajuan dan pertumbuhan murid berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran, dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan orang lain.

Ibu bapa harus diberi pemahaman yang baik dengan perubahan sistem peperiksaan ini supaya mereka tidak lagi keliru. Sistem PBS tidak memperuntukkan waktu tertentu untuk dilaksanakan bergantung pada guru dan perkembangan murid dalam mempelajari sesuatu topik. Masih ada ibu bapa yang keliru apabila ada antara anak mereka yang berada pada tahap empat, lima, dan enam sibuk membuat ulang kaji pelajaran untuk menghadapi peperiksaan sedangkan adiknya yang berada pada tahun satu, dua, dan tiga tidak melakukan demikian. Pihak sekolah dan guru harus memainkan peranan yang penting untuk menjelaskannya. Didasarkan supaya penjelasan ini boleh dibuat ketika mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

Mereka juga harus didedahkan secara terperinci bahawa sistem PBS bukan lagi sistem untuk membanding-bandingkan pencapaian setiap murid, tetapi sistem ini dinilai mengikut keupayaan murid dari tahap ke tahap. Selepas ini diharapkan tidak akan kedengaran lagi ibu bapa tertanya-tanya tentang jumlah A yang diperoleh anak mereka. Walau bagaimanapun, hala tuju sistem peperiksaan Malaysia, teras utamanya adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara sekali gus mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berfikirin kelas pertama. **SM**

PBS merupakan kaedah penaksiran yang diyakini berkeupayaan menilai aspek intelek (kognitif), emosi dan rohani (efektif) dan jasmani (psikomotor) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.